



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

RELIF KUMPULAN UNTUK SYARIKAT

KETETAPAN UMUM NO. 6/2016

TARIKH PENERBITAN: 22 OGOS 2016



Diterbitkan oleh:

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2016 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik LHDNM. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



KANDUNGAN

Muka surat

1.	Objektif	1
2.	Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3.	Tafsiran	1
4.	Pengenalan	2
5.	Kriteria Kelayakan untuk Relif Kumpulan	3
6.	Definisi Syarikat Berkaitan dan Kelayakan untuk Relif Kumpulan	4
7.	Tahap Pemegangan Saham Biasa Perlu Dikekalkan	31
8.	Pengiraan Relif Kumpulan	33
9.	Lebih daripada Satu Syarikat Menyerah atau Syarikat Menuntut	37
10.	Pindaan Kerugian Larasan	39
11.	Penalti untuk Maklumat Tidak Betul	40
12.	Syarikat yang Tidak Layak untuk Relif Kumpulan	42
13.	Perkara Lain yang Berkaitan	44
14.	Lampiran 1	45



KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian dari Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan layanan cukai bagi relif kumpulan untuk syarikat-syarikat yang bermastautin dan telah diperbadankan di Malaysia.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah seksyen 44, 44A, 77A, 114 dan subseksyen 125(2).

3. Tafsiran

Perkataan-perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Baki aset” bermaksud aset bersih syarikat menuntut atau menyerahkan selepas pengagihan dibuat kepada –
 - (a) pemiutang syarikat tersebut berhubung pinjaman komersil; dan
 - (b) pemegang saham selain daripada saham biasa,dan sekiranya syarikat tidak mempunyai baki aset, satu amaun nosional berjumlah satu ratus ringgit akan dianggap sebagai nilai baki aset syarikat tersebut.
- 3.2 “Baki keuntungan” bermaksud untung bersih syarikat menuntut atau menyerahkan selepas menolak dividen –
 - (a) pada amaun tetap atau pada kadar peratusan tetap nilai nominal saham syarikat; atau
 - (b) pada kadar peratusan tetap keuntungan syarikat,tetapi sebelum menolak apa-apa bayaran kepada pemiutang pinjaman bukan komersil yang mana bukan pada–
 - (i) kadar tetap atau pada kadar peratusan tetap atas pinjaman; atau
 - (ii) kadar peratusan tetap keuntungan syarikat,dan sekiranya syarikat tidak mempunyai baki keuntungan, satu amaun nosional berjumlah satu ratus ringgit akan dianggap sebagai nilai baki keuntungan syarikat tersebut.

- 3.3 “Pemegang ekuiti” bermaksud mana-mana pemegang saham biasa dalam syarikat menuntut atau menyerah atau mana-mana pemiutang syarikat tersebut berkaitan apa-apa pinjaman bukan komersil.
- 3.4 “Pendapatan agregat ditentukan” berhubung dengan suatu tahun taksiran, bermaksud pendapatan agregat syarikat menuntut bagi tahun itu yang dikurangkan dengan potongan di bawah perenggan 44(1)(a), (b), (c) and (d) ACP.
- 3.5 “Pinjaman bukan komersil” bermaksud apa-apa pinjaman selain daripada pinjaman komersil.
- 3.6 “Pinjaman komersil” bermaksud apa-apa pinjaman yang memberi hak kepada pemiutang mendapat pulangan yang hanya pada –
- (a) jumlah tetap atau kadar peratusan tetap jumlah pinjaman; atau
 - (b) kadar peratusan tetap keuntungan syarikat.
- 3.7 “Saham biasa” bermaksud mana-mana saham selain daripada saham yang hanya memberi hak kepada dividen di mana dividen adalah pada–
- (a) amaun tetap atau pada kadar peratusan tetap pada nilai nominal saham; atau
 - (b) kadar peratusan tetap atas keuntungan syarikat.

4. Pengenalan

- 4.1 Setiap syarikat dalam satu kumpulan diberi layanan sebagai entiti yang berasingan dan tanggungan cukai setiap syarikat ditentukan secara berasingan daripada syarikat lain dalam kumpulan yang sama. Oleh itu, kerugian larasan daripada punca perniagaan sesuatu syarikat bagi tahun semasa hanya boleh diserap oleh punca-punca pendapatan lain syarikat tersebut. Apa-apa kerugian larasan perniagaan yang tidak boleh diserap dalam suatu tahun taksiran akan dihantar hadapan untuk ditolak daripada agregat pendapatan berkanun perniagaan tahun taksiran berikutnya.
- 4.2 Relif kumpulan adalah terbuka kepada semua syarikat pemastautin yang diperbadankan di Malaysia tertakluk kepada syarat dan terma seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 44A ACP mulai tahun taksiran 2006. Peruntukan relif kumpulan membenarkan sebuah syarikat untuk menyerahkan (dikenali sebagai syarikat menyerah) tidak lebih daripada 70% kerugian larasan dalam tempoh asas untuk suatu tahun taksiran, kepada satu atau lebih syarikat berkaitan (dikenali sebagai syarikat menuntut) dalam suatu kumpulan yang sama.
- 4.3 Syarikat yang menjalankan projek pengeluaran makanan yang telah dibenarkan untuk menyerahkan sebahagian atau kesemua kerugian larasan perniagaan

tahun semasa kepada syarikat berkaitan, sebelum tahun taksiran 2006 di bawah Jadual 4C, ACP yang kini telah dimansuhkan, boleh terus menikmati layanan cukai khas ini.

5. Kriteria Kelayakan untuk Relif Kumpulan

Untuk layak mendapat relif kumpulan bagi mana-mana tahun taksiran -

- a) kedua-dua syarikat menyerah dan menuntut hendaklah memenuhi kriteria berikut:
- (i) diperbadankan di Malaysia;
 - (ii) bermastautin di Malaysia dalam tahun asas untuk tahun taksiran itu;
 - (iii) merupakan syarikat berkaitan sepanjang tempoh asas untuk tahun taksiran itu dan tempoh dua belas (12) bulan sebaik sebelum tempoh asas untuk tahun taksiran tersebut;
 - (iv) mempunyai modal berbayar berkenaan saham biasa melebihi RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi suatu tahun taksiran;
 - (v) mempunyai tempoh asas dua belas (12) bulan yang berakhir pada tarikh yang sama;
 - (vi) membuat pilihan yang tidak boleh ditarik balik untuk menyerahkan atau menuntut jumlah kerugian larasan dalam borang nyata yang dikemukakan untuk tahun taksiran tersebut di bawah seksyen 77A ACP; dan
 - (vii) tertakluk kepada kadar cukai yang sama seperti yang diperuntukkan di perenggan 2, Bahagian 1, Jadual 1, ACP; dan
- b) syarikat menuntut hendaklah mempunyai pendapatan agregat ditentukan untuk tahun taksiran tersebut. Pendapatan agregat ditentukan bagi syarikat menuntut berkaitan dengan suatu tahun taksiran ditentukan seperti berikut:

	RM	RM
Pendapatan agregat		XX
Tolak:		
(i) rugi semasa	XX	
(ii) perbelanjaan cari gali yang layak [Jadual 4]	XX	
(iii) perbelanjaan pra-operasi perniagaan yang layak (perbelanjaan luar negara yang diluluskan) [Jadual 4B]	XX	
(iv) wang dan hadiah lain, seperti derma yang diluluskan [Seksyen 44(6) hingga (11C)]	<u>XX</u>	<u>XX</u>
Pendapatan agregat ditentukan		<u>XX</u>

6. Definisi Syarikat Berkaitan dan Kelayakan untuk Relif Kumpulan

Untuk tujuan relif kumpulan, maksud **syarikat berkaitan** diperuntukkan di subseksyen 44A(3) ACP. Syarikat dalam kumpulan yang sama layak sebagai syarikat berkaitan sekiranya sekurang-kurangnya 70% tahap pemegangan saham biasa dipenuhi. Untuk layak mendapat relif kumpulan, syarikat menyerah dan syarikat menuntut hendaklah lulus ujian berikut:

Ujian peringkat pertama: Keperluan pemegangan saham biasa di bawah subseksyen 44A(3) ACP; dan

Ujian peringkat kedua: Berhak secara benefisial kepada baki keuntungan dan baki aset yang ada untuk pengagihan kepada pemilik ekuiti syarikat di bawah subseksyen 44A(7) ACP.

Sila rujuk **Lampiran 1** untuk ringkasan kepada langkah-langkah yang perlu diambil dalam menentukan sama ada syarikat menuntut dan syarikat menyerah adalah berkaitan dan layak mendapat relif kumpulan.

6.1 Ujian peringkat pertama

Ujian peringkat pertama berkaitan dengan keperluan pemegangan saham biasa (tidak termasuk saham perbendaharaan). Untuk tujuan relif kumpulan, sebuah syarikat menyerah dan syarikat menuntut adalah syarikat berkaitan sekiranya sekurang-kurangnya tujuh puluh peratus (70%) modal berbayar berhubung saham biasa -

- (a) syarikat menyerah dimiliki secara langsung atau tidak langsung (melalui syarikat lain yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia) oleh syarikat menuntut; atau
- (b) syarikat menuntut dimiliki secara langsung atau tidak langsung (melalui syarikat lain yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia) oleh syarikat menyerah; atau
- (c) syarikat menyerah dan syarikat menuntut dimiliki secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat lain yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia.

Nota:

- (i) Sebuah syarikat Labuan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 [Akta 441] dianggap diperbadankan di Malaysia. Syarikat Labuan termasuk syarikat Labuan asing yang didaftar di bawah Akta Syarikat Labuan 1990. Seorang pemastautin di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 berhubung dengan suatu syarikat adalah sebuah syarikat yang telah menubuhkan satu tempat perniagaan beroperasi di Malaysia

dan termasuk sebuah syarikat yang bermastautin mengikut perenggan 214(6)(a) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [Akta 758].


- (ii) Dalam menentukan ambang pemegangan saham 70%, apa-apa pegangan secara langsung atau tidak langsung oleh syarikat yang bukan pemastautin dan tidak diperbadankan di Malaysia diabaikan.

6.2 Contoh-contoh untuk menunjukkan struktur kumpulan bagi syarikat berkaitan dan pemegangan saham biasa:

Contoh 1

Syarikat P memegang secara langsung 90% saham biasa dalam Syarikat A sementara Syarikat A memegang secara langsung 95% saham biasa dalam Syarikat B. Ketiga-tiga syarikat berkenaan diperbadankan (i) dan bermastautin (r) di Malaysia.

Struktur Kumpulan bagi Syarikat Berkaitan




Hubungan antara Syarikat	Pemegangan Saham Biasa (Secara Langsung atau Tidak Langsung) (%)	Keperluan Pemegangan Saham 70% Dipenuhi?
P & A	90% - langsung	Ya
A & B	95% - langsung	Ya
P & B	85.5% = (90% x 95%) - tidak langsung	Ya

Contoh 2

Syarikat P memegang secara langsung 100% saham biasa dalam Syarikat A dan 60% saham biasa dalam Syarikat B. Syarikat A memegang secara langsung 45% saham biasa dalam Syarikat C sementara Syarikat B memegang secara langsung 55% saham biasa dalam Syarikat C. Semua syarikat diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Struktur Kumpulan bagi Syarikat Berkaitan




Hubungan antara Syarikat	Pemegangan Saham Biasa (Secara Langsung atau Tidak Langsung) (%)	Keperluan Pemegangan Saham 70% Dipenuhi?
P & A	100% - langsung	Ya
P & B	60% - langsung	Tidak
P & C	78% - tidak langsung [(100% X 45%) + (60% X 55%) = 78%]	Ya
A & B	P & A = 100% - langsung P & B = 60% - langsung	Tidak
A & C	P & A = 100% - langsung P & C = 78% - tidak langsung	Ya
B & C	P & B = 60% - langsung P & C = 78% - tidak langsung	Tidak

Contoh 3

Fakta adalah sama seperti di Contoh 1 kecuali Syarikat P tidak diperbadankan (ni) dan tidak bermastautin (nr) di Malaysia.

Struktur Kumpulan bagi Syarikat Berkaitan




Hubungan antara Syarikat	Pemegangan Saham Biasa (Secara Langsung atau Tidak Langsung) (%)	Keperluan Pemegangan Saham 70% Dipenuhi?
P & A	90% - pemegangan secara langsung oleh syarikat tidak bermastautin yang tidak diperbadankan di Malaysia diabaikan	Diabaikan
A & B	95% - langsung	Ya
P & B	85.5% = (90% x 95%) – pemegangan secara tidak langsung oleh syarikat tidak bermastautin yang tidak diperbadankan di Malaysia diabaikan	Diabaikan

Contoh 4

Fakta adalah sama seperti di Contoh 1 kecuali Syarikat A tidak diperbadankan (ni) dan tidak bermastautin (nr) di Malaysia.

Struktur Kumpulan bagi Syarikat Berkaitan




Hubungan antara Syarikat	Pemegangan Saham Biasa (Secara Langsung atau Tidak Langsung) (%)	Keperluan Pemegangan Saham 70% Dipenuhi?
P & A	90% - pemegangan secara langsung oleh syarikat tidak bermastautin yang tidak diperbadankan di Malaysia diabaikan	Diabaikan
A & B	95% - pemegangan secara langsung oleh syarikat tidak bermastautin yang tidak diperbadankan di Malaysia diabaikan	Diabaikan
P & B	85.5% = (90% x 95%) - pemegangan secara tidak langsung melalui syarikat tidak bermastautin yang tidak diperbadankan di Malaysia diabaikan	Diabaikan

Contoh 5

Fakta adalah sama seperti di Contoh 2 kecuali Syarikat A tidak bermastautin di Malaysia.

Struktur Syarikat dalam Kumpulan



Hubungan antara Syarikat	Pemegangan Saham Biasa (Secara Langsung atau Tidak Langsung) (%)	Keperluan Pemegangan Saham 70% Dipenuhi?
P & A	100% - pemegangan secara langsung oleh syarikat tidak bermastautin yang diperbadankan di Malaysia diabaikan diabaikan	Diabaikan
P & B	60% - langsung	Tidak
P & C	78% - pemegangan secara tidak langsung melalui syarikat tidak bermastautin yang diperbadankan di Malaysia diabaikan [[$(100\% \times 45\%)$] + $(60\% \times 55\%)$]	Diabaikan
A & B	P & A = 100% - pemegangan secara langsung oleh syarikat tidak bermastautin yang diperbadankan di Malaysia diabaikan P & B = 60% - langsung	Diabaikan
A ¹ & C	P & A = 100% - pemegangan secara langsung oleh syarikat tidak bermastautin yang diperbadankan di Malaysia diabaikan P & C = 78% - pemegangan secara tidak langsung melalui syarikat tidak bermastautin yang diperbadankan di Malaysia diabaikan	Diabaikan
B & C	P & B = 60% - langsung P & C = 78% - pemegangan secara tidak langsung melalui syarikat tidak bermastautin yang diperbadankan di Malaysia diabaikan	Diabaikan


¹**Nota:**

Jika Syarikat A bermastautin (r) tetapi tidak diperbadankan (ni) di Malaysia, situasi yang sama terpakai.

Contoh 6

Syarikat L, sebuah syarikat Labuan memegang secara langsung 90% saham biasa dalam Syarikat M. Syarikat L telah memilih untuk dicukai di bawah ACP seperti diperuntukkan di bawah seksyen 3A Akta Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 berkuat kuasa dari tahun taksiran 2014.

Struktur Kumpulan bagi Syarikat Berkaitan




Memandangkan Syarikat L telah memilih untuk dicukai di bawah ACP mulai tahun taksiran 2014, Syarikat L dan Syarikat M layak di bawah kriteria diperbadankan dan bermastautin di Malaysia untuk tujuan relif kumpulan.

Hubungan antara Syarikat	Pemegangan Saham Biasa (Secara Langsung atau Tidak Langsung) (%)	Keperluan Pemegangan Saham 70% Dipenuhi?
L & M	90% - langsung	Ya

Contoh 7

Syarikat P memegang secara langsung 90% saham biasa dalam Syarikat A, dan 100% saham biasa dalam Syarikat B. Syarikat A memegang secara langsung 60% saham biasa dalam Syarikat C manakala Syarikat B memegang secara langsung 90% saham biasa dalam Syarikat D. Semua syarikat diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

Struktur Kumpulan bagi Syarikat Berkaitan



Hubungan antara Syarikat	Pemegangan Saham Biasa (Secara Langsung atau Tidak Langsung) (%)	Keperluan Pemegangan Saham 70% Dipenuhi?
P & A	90% - secara langsung	Ya
P & B	100% - secara langsung	Ya
P & C	54% - secara tidak langsung (90% X 60%)	Tidak
P & D	90% - secara tidak langsung (100% X 90%)	Ya
A & B	P & A = 90% - secara langsung P & B = 100% - secara langsung	Ya
A & C	60% - secara langsung	Tidak
A & D	P & A = 90% - secara langsung P & D = 90% - secara tidak langsung	Ya
B & C	P & B = 100% - secara langsung P & C = 54% - secara tidak langsung	Tidak
B & D	90% - secara langsung	Ya
C & D	P & C = 54% - secara tidak langsung P & D = 90% - secara tidak langsung	Tidak

6.3 Ujian peringkat kedua

Walaupun keperluan pemegangan saham biasa 70% dipenuhi, ini tidak bermakna syarikat menuntut dan menyerah layak untuk relif kumpulan. Ujian peringkat kedua memerlukan syarikat berkenaan berhak secara benefisial (langsung atau tidak langsung) kepada sekurang-kurangnya 70% ke atas baki keuntungan dan baki aset syarikat yang lain mengikut kadar kepentingan ekuiti mereka.

(a) Baki keuntungan

Pemegang saham biasa mesti menunjukkan bahawa mereka berhak secara benefisial, secara langsung atau tidak langsung, kepada sekurang-kurangnya 70% baki keuntungan syarikat yang ada untuk pengagihan kepada pemegang ekuiti syarikat. Pemegang ekuiti sebuah syarikat adalah pemegang saham biasa dan pemiutang pinjaman bukan komersil.

Pinjaman komersil merupakan pinjaman pada kadar komersil. Pada umumnya, pemberi pinjaman dalam perjanjian pinjaman komersil mempunyai objektif berikut:

- (i) menyatakan syarat-syarat di mana ia perlu membayar wang kepada peminjam di bawah perjanjian pinjaman;
- (ii) membolehkannya memantau keadaan kewangan peminjam dan, apabila perlu, mengambil tindakan remedi sekiranya peminjam mengalami masalah kewangan yang serius; dan
- (iii) memperuntukkan dirinya dengan tuntutan yang boleh dikuatkuasakan secara sah atau akses kepada remedi lain sekiranya peminjam gagal membayar balik pinjaman tersebut.

Sekiranya terdapat perjanjian pinjaman di antara pihak berkaitan tetapi tidak terdapat klausa remedi dalam kontrak, pinjaman seperti itu adalah dianggap sebagai pinjaman bukan komersil. Apa-apa pinjaman yang tidak terjatuh di bawah definisi pinjaman komersil adalah dianggap sebagai pinjaman bukan komersil.

Nota:

Untuk tujuan KU ini, pinjaman termasuk apa-apa aturan kewangan. Pinjaman di antara pihak berkaitan boleh dilabel dengan menggunakan pelbagai terminologi. Semua transaksi kewangan akan diperiksa untuk menentukan sama ada transaksi tersebut merupakan pinjaman. Rekod perlu disimpan untuk tujuan ini.

Pengiraan Baki Keuntungan

	RM	RM	RM
Untung perakaunan (untung bersih sebelum cukai)			XX
Tolak:			
(i) dividen tetap atau dividen pada peratusan tetap nilai nominal saham; dan		XX	
(ii) dividen pada peratusan tetap keuntungan (sebelum tolak apa-apa bayaran kepada pemiutang pinjaman bukan komersil di mana bayaran tersebut tidak tertakluk kepada satu peratusan tetap atas pinjaman atau keuntungan)	XX	XX	
Baki keuntungan yang boleh diagihkan kepada pemegang ekuiti			<u>XX</u>
(b) Baki aset			
Pemegang saham biasa mesti menunjukkan bahawa mereka mempunyai hak benefisial, secara langsung atau tidak langsung, kepada sekurang-kurangnya 70% ke atas apa-apa baki aset syarikat yang sedia ada untuk pengagihan kepada pemegang ekuiti syarikat pada masa penggulangan syarikat.			
Baki aset adalah aset bersih-			
(i) yang ada untuk diagihkan kepada pemegang ekuiti jika berlaku penggulangan;			
(ii) selepas ditolak bayaran untuk pinjaman komersil dan pengagihan kepada pemegang saham selain saham biasa; dan			
(iii) diagihkan mengikut nisbah yang digunakan bagi tujuan menentukan baki keuntungan.			

6.4 Contoh-contoh untuk menunjukkan syarat pemegangan saham biasa dan hak kepada baki keuntungan dan baki aset:

Contoh 8

Syarikat Z diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Berikut menunjukkan struktur pemegangan saham Syarikat Z.

Jenis Saham dalam Syarikat Z	Hak kepada Keuntungan Berasaskan Pegangan dalam Modal Saham (RM1/saham)		Dividen Tetap @ 10% atas Nilai Nominal Saham (RM1/saham)		Dividen Tetap @ 8% + Hak untuk Berkongsi dalam Keuntungan Berasaskan Pegangan dalam Modal Saham (RM1/saham)	
	'000 (Jenis I)		'000 (Jenis II)		'000 (Jenis III)	
Saham dalam Syarikat Z dimiliki oleh Syarikat	A	B	A	B	A	C
Modal berbayar	1,800	600	400	400	600	200
Saham biasa	Ya	Ya	Bukan	Bukan	Ya	Ya
Peratusan pemegangan saham	$\frac{1,800}{3,200} = 56.25\%$	$\frac{600}{3,200} = 18.75\%$	Tidak terpakai	Tidak terpakai	$\frac{600}{3,200} = 18.75\%$	$\frac{200}{3,200} = 6.25\%$


Jumlah saham yang diambil kira bagi tujuan penentuan pemegangan saham adalah 3,200 saham biasa dalam Syarikat Z, iaitu

- 2,400 saham (1,800 dan 600 saham masing-masing dimiliki oleh Syarikat A & B) yang berhak kepada keuntungan syarikat (Jenis I); dan
- 800 saham (600 dan 200 saham masing-masing dimiliki oleh Syarikat A dan C) yang layak kepada dividen tetap dan untung syarikat (Jenis III).

Maka, peratusan saham biasa dimiliki oleh:

- Syarikat A adalah 75.00% (56.25% + 18.75%)
- Syarikat B adalah 18.75%
- Syarikat C adalah 6.25%.

Pemegangan saham biasa dalam Syarikat Z boleh diringkaskan seperti berikut:



Oleh itu, hanya Syarikat A dianggap sebagai syarikat berkaitan dengan Syarikat Z memandangkan Syarikat A memegang 75% saham biasa dalam Syarikat Z bagi tujuan relif kumpulan. Walau bagaimanapun, Syarikat A juga perlu memastikan bahawa ianya memiliki sekurang-kurangnya 70% daripada hak dalam baki keuntungan dan baki aset Syarikat Z.

Nota:

Saham yang hanya mempunyai hak untuk dividen tetap tidak layak diambil kira bagi tujuan ujian pemegangan saham (Jenis II).

Contoh 9

Fakta adalah sama seperti Contoh 8 kecuali:

- (a) Syarikat Z mempunyai untung perakaunan berjumlah RM500 selepas ditolak bayaran pulangan tetap atas dua jenis pinjaman berikut:

Pemiutang Pinjaman	Amaun Prinsipal	Kadar Pulangan	Pulangan Tahunan
Pinjaman 1 (Syarikat X) Pinjaman komersil	RM1,000	5% setahun	RM50

Pemiutang Pinjaman	Amaun Prinsipal	Kadar Pulangan	Pulangan Tahunan
Pinjaman 2 (Syarikat Y) Pinjaman bukan komersil	RM1,400	3% setahun + hak untuk berkongsi dalam keuntungan berasaskan nilai pinjaman prinsipal	RM42 + mana-mana penyertaan keuntungan yang tidak tetap

Pengagihan Keuntungan Syarikat Z

Pengiraan Baki Keuntungan

	RM	RM	RM
Untung perakaunan (selepas ditolak bayaran pulangan tetap atas pinjaman iaitu RM50 dan RM42)			500
Tolak:			
Agihan dividen tetap atas saham Jenis II			
Syarikat A - $RM400 \times 10\% =$	40		
Syarikat B - $RM400 \times 10\% =$	<u>40</u>	80	
Agihan dividen tetap atas saham Jenis III			
Syarikat A - $RM600 \times 8\% =$	48		
Syarikat C - $RM200 \times 8\% =$	<u>16</u>	<u>64</u>	<u>144</u>
Baki keuntungan			<u><u>356</u></u>

Pembahagian baki keuntungan adalah berasaskan nisbah pengagihan antara pemegang ekuiti dengan menggunakan nilai saham biasa dan pinjaman bukan komersil:

	RM
Syarikat A	- 2,400
Syarikat B	- 600
Syarikat C	- 200
Pemiutang pinjaman bukan komersil Y	- <u>1,400</u>
	<u><u>4,600</u></u>

Hak Benefisial Pemegang Ekuiti kepada Baki Keuntungan Syarikat Z

Pemegang Ekuiti Syarikat Z	Bahagian Baki keuntungan (RM)	Peratusan Baki keuntungan
Syarikat A	$(2,400 / 4,600) \times 356 = 186$	$186/356 = 52.2\%$
Syarikat B	$(600 / 4,600) \times 356 = 46$	$46/356 = 13.0\%$
Syarikat C	$(200 / 4,600) \times 356 = 16$	$16/356 = 4.5\%$
Pemiutang pinjaman bukan komersil Y	$(1,400 / 4,600) \times 356 = 108$	$108/356 = 30.3\%$

- (b) Seandainya baki aset Syarikat Z adalah berjumlah RM1,300 selepas menolak bayaran pinjaman komersil dan bayaran dividen pada kadar tetap, pengiraan hak benefisial pemegang ekuiti kepada baki aset syarikat Z adalah seperti berikut:

Hak Benefisial Pemegang Ekuiti kepada Baki Aset Syarikat Z

Pemegang Ekuiti Syarikat Z	Bahagian Baki Aset (RM)	Peratusan Baki Aset
Syarikat A	$(2,400 / 4,600) \times 1,300 = 678$	$678/1,300 = 52.2\%$
Syarikat B	$(600 / 4,600) \times 1,300 = 170$	$170/1,300 = 13.0\%$
Syarikat C	$(200 / 4,600) \times 1,300 = 57$	$57/1,300 = 4.4\%$
Pemiutang pinjaman bukan komersil Y	$(1,400 / 4,300) \times 1,300 = 396$	$396/1,300 = 30.5\%$

Walaupun Syarikat A memegang saham biasa yang melebihi 70% dalam Syarikat Z (seperti ditunjukkan dalam Contoh 8) tetapi Syarikat A tidak mempunyai hak benefisial kepada sekurang-kurangnya 70% baki keuntungan dan baki aset Syarikat Z. Oleh itu, Syarikat A dan Syarikat Z tidak layak untuk relif kumpulan.

Contoh 10

Fakta adalah sama seperti di Contoh 9 kecuali pemiutang pinjaman bukan komersil adalah Syarikat A dan bukan pemiutang pinjaman Y. Ekuiti Syarikat A dalam bentuk saham biasa Jenis I adalah 3,000 unit dan bukan 1,800 unit, dan pada nilai RM1,400 sebagai pemiutang pinjaman bukan komersil.

Jadual berikut menunjukkan struktur pemegangan saham dalam Syarikat Z:

Jenis Saham dalam Syarikat Z	Hak untuk Berkongsi dalam Keuntungan Berasaskan Pegangan dalam Modal Saham (RM1/saham)		Dividen Tetap @ 10% atas Nilai Nominal Saham (RM1/saham)		Dividen Tetap @ 8% + Hak untuk Berkongsi dalam Keuntungan Berasaskan Pegangan dalam Modal Saham (RM1/saham)	
	'000 (Jenis I)		'000 (Jenis II)		'000 (Jenis III)	
Saham dalam Syarikat Z dimiliki oleh Syarikat	A	B	A	B	A	C
Modal berbayar	3,000	600	400	400	600	200
Saham biasa	Ya	Ya	Bukan	Bukan	Ya	Ya
Peratusan pemegangan saham	$\frac{3,000}{4,400} = 68.18\%$	$\frac{600}{4,400} = 13.64\%$	Tidak terpakai	Tidak terpakai	$\frac{600}{4,400} = 13.64\%$	$\frac{200}{4,400} = 4.54\%$

Jumlah saham yang diambil kira bagi tujuan penentuan pemegangan saham adalah 4,400 saham biasa dalam Syarikat Z, iaitu

- 3,600 saham (3,000 dan 600 saham masing-masing dimiliki oleh Syarikat A & B) yang berhak kepada untung syarikat (Jenis I); dan
- 800 saham (600 dan 200 saham masing-masing dimiliki oleh Syarikat A dan C) yang layak kepada dividen tetap dan untung syarikat (Jenis III).

Maka, peratusan saham biasa dimiliki oleh:

- (i) Syarikat A adalah 81.82% (68.18% + 13.64%)
- (ii) Syarikat B adalah 13.64%
- (iii) Syarikat C adalah 4.54%.

Syarikat Z mempunyai dua jenis pinjaman berikut:

Pemiutang Pinjaman	Amaun Prinsipal	Kadar Pulangan	Pulangan Tahunan
Pinjaman 1 (Syarikat X) Pinjaman komersil	RM1,000	5% setahun	RM50
Pinjaman 2 (Syarikat A) Pinjaman bukan komersil	RM1,400	3% setahun + hak untuk berkongsi dalam keuntungan berasaskan nilai pinjaman prinsipal	RM42 + mana-mana penyertaan keuntungan yang tidak tetap

Pengiraan baki keuntungan Syarikat Z adalah seperti ditunjukkan dalam Contoh 9. Pembahagian baki keuntungan adalah berasaskan nisbah pengagihan berikut di antara pemegang ekuiti dengan menggunakan nilai saham biasa dan pinjaman bukan komersil:

		RM
Syarikat A	-	3,600
Syarikat B	-	600
Syarikat C	-	200
Pemiutang pinjaman bukan komersil Syarikat A	-	<u>1,400</u>
		<u>5,800</u>

Hak Benefisial Pemegang Ekuiti kepada Baki Keuntungan Syarikat Z

Pemegang Ekuiti Syarikat Z	Bahagian Baki keuntungan (RM)	Peratusan Baki keuntungan
Syarikat A	$(3,600 / 5,800) \times 356 = 221$	$221/356 = 62.08\%$
Syarikat B	$(600 / 5,800) \times 356 = 37$	$37/356 = 10.39\%$

Syarikat C	$(200 / 5,800) \times 356 = 12$	$12/356 = 3.37\%$
Pemiutang pinjaman bukan komersil - Syarikat A	$(1,400 / 5,800) \times 356 = 86$	$86/356 = 24.16\%$

Seandainya baki aset Syarikat Z adalah berjumlah RM1,300 selepas menolak bayaran pinjaman komersil dan bayaran dividen pada kadar tetap, pengiraan hak benefisial pemegang ekuiti kepada baki aset Syarikat Z adalah seperti berikut:

Hak Benefisial Pemegang Ekuiti kepada Baki Aset Syarikat Z

Pemegang Ekuiti Syarikat Z	Bahagian Baki Aset (RM)	Peratusan Baki Aset
Syarikat A	$(3,600 / 5,800) \times 1,300 = 807$	$807/1,300 = 62.08\%$
Syarikat B	$(600 / 5,800) \times 1,300 = 134$	$134/1,300 = 10.31\%$
Syarikat C	$(200 / 5,800) \times 1,300 = 45$	$45/1,300 = 3.46\%$
Pemiutang pinjaman bukan komersil - Syarikat A	$(1,400 / 5,800) \times 1,300 = 314$	$314/1,300 = 24.15\%$

Hak Syarikat A kepada baki keuntungan dan baki aset Syarikat Z adalah seperti berikut:

- (i) Hak benefisial Syarikat A kepada baki keuntungan -

$$62.08\% + 24.16\% = 86.24\%$$

Oleh itu, hak benefisial Syarikat A kepada baki keuntungan Syarikat Z melebihi keperluan 70%.

- (ii) Hak benefisial Syarikat A kepada baki aset -

$$62.08\% + 24.15\% = 86.23\%$$

Syarikat A kini memenuhi ujian peringkat kedua iaitu berhak kepada sekurang-kurangnya 70% daripada baki keuntungan dan

baki aset Syarikat Z. Oleh itu, Syarikat A dan Syarikat Z layak untuk relif kumpulan.

Contoh 11

Fakta adalah sama seperti di Contoh 9 kecuali Syarikat Z tiada baki keuntungan dan tiada baki aset. Amaun nosional RM100 dianggap sebagai baki keuntungan dan baki aset Syarikat Z.

(a) **Hak Benefisial Pemegang Ekuiti kepada Baki Keuntungan**

Pemegang Ekuiti Syarikat Z	Bahagian Baki keuntungan (RM)	Peratusan Baki keuntungan
Syarikat A	$(2,400 / 4,600) \times 100 = 52.2$	$52.2/100 = 52.2\%$
Syarikat B	$(600 / 4,600) \times 100 = 13$	$13/100 = 13.0\%$
Syarikat C	$(200 / 4,600) \times 100 = 4.3$	$4.4/100 = 4.4\%$
Pemiutang pinjaman bukan komersil Y	$(1,400 / 4,600) \times 100 = 30.4$	$30.4/100 = 30.4\%$

(b) **Hak Benefisial Pemegang Ekuiti kepada Baki Aset**

Pemegang Ekuiti Syarikat Z	Bahagian Baki Aset (RM)	Peratusan Baki Aset
Syarikat A	$(2,400 / 4,600) \times 100 = 52.2$	$52.2/100 = 52.2\%$
Syarikat B	$(600 / 4,600) \times 100 = 13$	$13/100 = 13.0\%$
Syarikat C	$(200 / 4,600) \times 100 = 4.4$	$4.4/100 = 4.4\%$

Pemiutang pinjaman bukan komersil Y	$(1,400 / 4,600) \times 100 = 30.4$	$30.4/100 = 30.4\%$
-------------------------------------	-------------------------------------	---------------------

Walaupun Syarikat A memegang saham biasa yang melebihi 70% dalam Syarikat Z (seperti ditunjukkan dalam Contoh 8) tetapi Syarikat A tidak mempunyai hak benefisial kepada sekurang-kurangnya 70% daripada baki keuntungan dan baki aset Syarikat Z. Oleh itu, Syarikat A dan Syarikat Z tidak layak untuk relif kumpulan.

Contoh 12

Syarikat P, sebuah syarikat induk dan semua syarikat subsidiarinya iaitu Syarikat A, B, C, D, E dan X kecuali Syarikat HK diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Syarikat HK diperbadankan dan bermastautin di Hong Kong. Kumpulan syarikat tersebut mempunyai tempoh perakaunan yang sama iaitu 31 Disember. Bagi tahun taksiran 2015 Syarikat E mempunyai kerugian larasan berjumlah RM2,000,000 untuk diserahkan kepada syarikat menuntut iaitu Syarikat A, B dan C. Syarikat menyerah dan setiap syarikat menuntut mempunyai tempoh asas dua belas bulan yang berakhir pada hari yang sama iaitu 31 Disember bagi tahun taksiran 2015. Modal berbayar saham dan struktur pemegangan saham biasa kumpulan adalah seperti berikut:


Pemegang Saham/ Pemegangan Saham	Hak untuk Berkongsi dalam Untung Berasaskan Pemegangan dalam Modal Saham (RM1/Saham)					
	Syarikat A	Syarikat B	Syarikat C	Syarikat D	Syarikat X	Syarikat HK
Syarikat P						
Modal berbayar	3,000,000	3,000,000	2,800,000	900,000 ²	1,000,000 ³	4,000,000 ⁴
Peratusan pemegangan saham oleh Syarikat P	100%	85%	100%	70%	100%	90%

Pemegang Saham/Pemegangan Saham	Hak untuk Berkongsi dalam Keuntungan Berdasarkan Pemegangan dalam Modal Saham (RM1/Saham)
Syarikat D	Syarikat E
Modal berbayar	5,000,000
Peratusan pemegangan saham oleh Syarikat D	100%

Pinjaman Syarikat C dengan pulangan yang tidak berasaskan amaun tetap atau kadar tetap pinjaman atau untung syarikat adalah seperti berikut:

- (a) RM2,000,000 daripada Syarikat X;
- (b) Pendahuluan berjumlah RM2,500,000 daripada pengarah dengan pulangan yang tidak berasaskan amaun yang tetap atau kadar pinjaman atau untung syarikat yang tetap; dan
- (c) RM5,000,000 daripada Syarikat HK.

Struktur Pemegangan Saham Biasa Syarikat dalam Kumpulan



Memandangkan Syarikat P dan kesemua syarikat subsidiari mempunyai tahun perakaunan yang sama, oleh itu syarat tahun perakaunan yang sama untuk syarikat menyerah dan syarikat menuntut adalah dipenuhi.

Bagi menentukan sama ada syarikat menyerah dan menuntut dalam satu kumpulan adalah layak untuk relif kumpulan, kedua-dua ujian berikut perlu dilakukan.

Ujian Peringkat Pertama

Keperluan syarat pemegangan saham biasa untuk menentukan sama ada syarikat merupakan syarikat berkaitan adalah seperti berikut:

Hubungan Antara Syarikat	Pemegangan Saham Biasa (Secara langsung atau Tidak Langsung) (%)	Keperluan Pemegangan Saham 70% Dipenuhi?
Syarikat P & A	100% - secara langsung	Ya
Syarikat P & B	85% - secara langsung	Ya
Syarikat P & C	100% - secara langsung	Ya
Syarikat P & E	$70\% \times 100\% = 70\%$ - secara tidak langsung	Ya

Mengikut perenggan 44(A)(3)(c) ACP, Syarikat E (syarikat menyerah) adalah syarikat berkaitan dengan syarikat-syarikat menuntut iaitu Syarikat A, Syarikat B and Syarikat C.

Nota

^{2,3,4}Kedua-dua Syarikat D dan Syarikat X mempunyai modal berbayar berkaitan dengan saham biasa yang kurang daripada RM2.5 juta pada permulaan tempoh asas bagi tahun taksiran 2015. Syarikat HK tidak diperbadankan dan tidak bermastautin di Malaysia. Oleh itu, syarikat-syarikat ini tidak layak sebagai syarikat menyerah atau syarikat menuntut.

Nilai saham biasa, pinjaman bukan komersil, baki keuntungan dan baki aset syarikat berkaitan dalam kumpulan adalah seperti berikut:

Syarikat	Nilai Saham Biasa yang Dipegang oleh Syarikat P RM	Nilai Pinjaman Bukan Komersil RM	Jumlah RM	Baki Keuntungan untuk Pengagihan ⁶ RM	Baki Aset untuk Pengagihan ⁷ RM
Syarikat A	3,000,000	Tiada	3,000,000	100,000	500,000
Syarikat B	2,550,000	Tiada	2,550,000	100,000	500,000
Syarikat C	2,800,000	9,500,000 ⁵	12,300,000	100,000	500,000
Syarikat E	3,500,000	Tiada	3,000,000	100,000	500,000

		RM
⁵ Pinjaman bukan komersil daripada Syarikat X	-	2,000,000
Pinjaman bukan komersil daripada Syarikat HK	-	5,000,000
Pinjaman bukan komersil daripada pengarah syarikat	-	<u>2,500,000</u>
		<u>9,500,000</u>

^{6,7}Amaun baki keuntungan dan baki aset yang digunakan adalah untuk tujuan contoh sahaja.

Ujian Peringkat Kedua

Hak benefisial pemegang ekuiti kepada baki keuntungan dan baki aset syarikat adalah berasaskan nisbah pembahagian dengan menggunakan nilai saham biasa dan pinjaman bukan komersil.

(a) Hak Benefisial Pemegang Ekuiti kepada Baki Keuntungan

Bahagian baki keuntungan ditentukan seperti berikut:

$$\begin{array}{l}
 \text{Nilai saham biasa + nilai pinjaman bukan} \\
 \text{komersil yang berkaitan dengan suatu} \\
 \text{pemegang ekuiti}
 \end{array}
 \times
 \begin{array}{l}
 \text{Baki keuntungan} \\
 \text{syarikat}
 \end{array}$$

Nilai saham biasa + nilai pinjaman bukan
 komersil yang berkaitan dengan semua
 pemegang ekuiti

Pemegang Ekuiti Syarikat A (Langsung)	Bahagian Baki Keuntungan (RM '000)	Hak Benefisial kepada Baki Keuntungan (%)
Syarikat P	$(3,000 / 3,000) \times 100 = 100$	$100/100 = 100\%$

Pemegang Ekuiti Syarikat B (Langsung)	Bahagian Baki Keuntungan (RM '000)	Hak Benefisial kepada Baki keuntungan (%)
Syarikat P	$(2,550 / 3,000) \times 100 = 85$	$85/100 = 85\%$
Lain-lain	$(450 / 3,000) \times 100 = 15$	$15/100 = 15\%$

Pemegang Ekuiti Syarikat C (Langsung)	Bahagian Baki Keuntungan (RM '000)	Hak Benefisial kepada Baki keuntungan (%)
Syarikat P	$(2,800 / 12,300) \times 100 = 22.76$	$22.76/100 = 22.76\%$
Syarikat X	$(2,000 / 12,300) \times 100 = 16.26$	$16.26/100 = 16.26\%$
Syarikat HK	$(5,000 / 12,300) \times 100 = 40.65$	$40.65/100 = 40.65\%$
Pengarah Syarikat	$(2,500 / 12,300) \times 100 = 20.33$	$20.33/100 = 20.33\%$

Pemegang Ekuiti Syarikat E (Langsung)	Bahagian Baki Keuntungan (RM '000)	Hak Benefisial kepada Baki keuntungan (%)
Syarikat P	Syarikat P & Syarikat D - $(70\% \times 100\%) \times 100 = 70$	$70/100 = 70\%$

(b) Hak Benefisial Pemegang Ekuiti kepada Baki Aset

Bahagian baki aset ditentukan seperti berikut:

$$\frac{\text{Nilai saham biasa + nilai pinjaman bukan komersil yang berkaitan dengan suatu pemegang ekuiti}}{\text{Nilai saham biasa + nilai pinjaman bukan komersil yang berkaitan dengan semua pemegang ekuiti}} \times \text{Baki aset syarikat}$$

Pemegang Ekuiti Syarikat A (Langsung)	Bahagian Baki Aset (RM '000)	Hak Benefisial kepada Baki Aset (%)
Syarikat P	$(3,000 / 3,000) \times 500 = 500$	$500/500 = 100\%$

Pemegang Ekuiti Syarikat B (Langsung)	Bahagian Baki Aset (RM '000)	Hak Benefisial kepada Baki Aset (%)
Syarikat P	$(2,550 / 3,000) \times 500 = 425$	$425/500 = 85\%$
Others	$(450 / 3,000) \times 500 = 75$	$75/500 = 15\%$

Pemegang Ekuiti Syarikat C (Langsung)	Bahagian Baki Aset (RM '000)	Hak Benefisial kepada Baki Aset (%)
Syarikat P	$(2,800 / 12,300) \times 500 = 113.82$	$113.82/500 = 22.76\%$
Syarikat X	$(2,000 / 12,300) \times 500 = 81.30$	$81.30/500 = 16.26\%$
Syarikat HK	$(5,000 / 12,300) \times 500 = 203.25$	$203.25/500 = 40.65\%$
Pengarah syarikat	$(2,500 / 12,300) \times 500 = 101.63$	$101.63/500 = 20.33\%$

Pemegang Ekuiti Syarikat E (Langsung)	Bahagian Baki Aset (RM '000)	Hak Benefisial kepada Baki Aset (%)
Syarikat P	Syarikat P & Syarikat D - (70% X 100%) X 500 = 350	350/500 = 70%

Sama ada syarikat menyerah dan syarikat menuntut layak untuk relif kumpulan berasaskan ujian peringkat pertama dan kedua

Syarikat Menyerah dan Menuntut	Adakah ujian peringkat pertama dan kedua dipenuhi?	Adakah syarikat layak untuk relif kumpulan?
Syarikat E & Syarikat A	(a) Syarikat P memiliki 100% saham biasa dalam Syarikat A (langsung) dan pemegangan secara tidak langsung sebanyak 70% dalam Syarikat E melalui Syarikat D. Oleh itu, pemegangan saham biasa 70% dalam kedua-dua Syarikat A (syarikat menuntut) dan Syarikat E (syarikat menyerah) adalah dimiliki secara langsung dan tidak langsung oleh syarikat lain (Syarikat P) yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia. Ujian peringkat pertama telah dipenuhi. (b) Hak benefisial Syarikat P adalah masing-masing 100% (langsung) dan 70% (tidak langsung) daripada baki keuntungan dan baki aset Syarikat A dan Syarikat E. Oleh itu, ujian peringkat kedua juga dipenuhi.	Ya

Syarikat Menyerah dan Menuntut	Adakah ujian peringkat pertama dan kedua dipenuhi?	Adakah syarikat layak untuk relif kumpulan?
Syarikat E & Syarikat B	(a) Syarikat P memiliki 85% saham biasa dalam Syarikat B (langsung) dan pemegangan secara tidak langsung sebanyak 70% dalam Syarikat E melalui Syarikat D. Oleh itu, pemegangan saham biasa 70% dalam kedua-dua Syarikat B (syarikat menuntut) dan Syarikat E (syarikat menyerah) adalah dimiliki secara langsung dan tidak langsung oleh syarikat lain (Syarikat P) yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia. Ujian peringkat pertama telah dipenuhi. (b) Hak benefisial Syarikat P adalah masing-masing 85% (langsung) dan 70% (tidak langsung) daripada baki keuntungan dan baki aset Syarikat B dan Syarikat E . Oleh itu, ujian peringkat kedua juga dipenuhi.	Ya
Syarikat E & Syarikat C	(a) Syarikat P memiliki 100% saham biasa dalam Syarikat C (langsung) dan pemegangan secara tidak langsung sebanyak 70% dalam Syarikat E melalui Syarikat D. Oleh itu, pemegangan saham biasa 70% dalam kedua-dua Syarikat C (syarikat menuntut) dan Syarikat E (syarikat menyerah) adalah dimiliki secara langsung dan tidak langsung oleh syarikat lain (Syarikat P) yang bermastautin dan diperbadankan di Malaysia. Ujian peringkat pertama telah dipenuhi.	

Syarikat Menyerah dan Menuntut	Adakah ujian peringkat pertama dan kedua dipenuhi?	Adakah syarikat layak untuk relif kumpulan?
Syarikat E & Syarikat C	(b) Hak benefisial Syarikat P adalah 70% (tidak langsung) daripada baki keuntungan dan baki aset Syarikat Syarikat E melalui Syarikat D. Hak benefisial Syarikat P kepada baki keuntungan dan baki aset Syarikat Syarikat C adalah 39.02% [22.76% (langsung) dan 16.26% (tidak langsung melalui Syarikat X)]. Ujian peringkat kedua tidak dipenuhi. Nota: Hak benefisial 40.65% tidak langsung kepada baki keuntungan dan baki aset melalui Syarikat HK, sebuah syarikat asing yang diperbadankan di luar Malaysia dan tidak bermastautin di Malaysia adalah diabaikan.	Tidak

Nota:

Bagi tujuan menentukan hak benefisial pemegang ekuiti kepada baki keuntungan dan baki aset dalam sebuah syarikat di bawah seksyen 44A(7) ACP, pinjaman bukan komersil yang diperolehi daripada syarikat tidak bermastautin yang tidak diperbadankan di Malaysia dan syarikat pengantara mesti diambil kira.

7. Tahap Pemegangan Saham Biasa Perlu Dikekalkan

Bagi tujuan relif kumpulan, tahap pemegangan saham biasa mesti dikekalkan pada atau melebihi 70% oleh kedua-dua syarikat menyerah dan syarikat menuntut sepanjang tempoh asas bagi suatu tahun taksiran dan dua belas (12) bulan betul-betul sahaja sebelum tempoh asas itu.

Contoh 13

Syarikat A (syarikat menuntut) memegang 70% modal berbayar saham biasa dalam Syarikat B (syarikat menyerah), sebuah syarikat berkaitan untuk tempoh asas 1.1.2014 hingga 31.12.2014 dan 1.1.2015 hingga 31.12.2015.

Kedudukan Pemegangan Saham

70% saham biasa		70% saham biasa	
1.1.2014	31.12.2014	1.1.2015	31.12.2015

Tiada perubahan dalam pemegangan saham 70% dalam tempoh asas dalam tahun taksiran 2015 dan tempoh 12 bulan sebaik sebelum tempoh asas itu.

Ujian peringkat kedua ke atas hak benefisial kepada ujian baki keuntungan dan baki aset Syarikat B yang ada untuk diagihkan kepada Syarikat A harus dijalankan pada tarikh tempoh perakaunan tutup iaitu pada 31.12.2015 untuk menentukan sama ada Syarikat A dan Syarikat B memenuhi ujian.

Contoh 14

Fakta adalah sama seperti di Contoh 13 kecuali pada 2.1.2015 terdapat perubahan dalam pemegangan saham Syarikat A (syarikat menuntut) daripada 70% kepada 78% modal berbayar saham biasa dalam Syarikat B (syarikat menyerah), sebuah syarikat berkaitan untuk tempoh asas 1.1.2014 hingga 31.12.2014 dan 1.1.2015 hingga 31.12.2015.

Kedudukan Pemegangan Saham

70% saham biasa		78% saham biasa	
1.1.2014	31.12.2014	1.1.2015	31.12.2015

Ujian pemegangan saham biasa harus dilakukan pada tarikh terdapat perubahan dalam pemegangan saham daripada 70% kepada 78%. Memandangkan 70% pemegangan saham biasa telah dipenuhi bagi tahun taksiran 2015, ujian baki keuntungan dan baki aset harus dijalankan pada tarikh tempoh perakaunan tutup iaitu pada 31.12.2015.

Contoh 15

Fakta adalah sama seperti di Contoh 13 kecuali terdapat perubahan dalam pemegangan saham Syarikat A (syarikat menuntut) daripada 70% kepada 69% modal berbayar saham biasa dalam Syarikat B (syarikat menyerah), sebuah syarikat berkaitan untuk tempoh asas 1.1.2014 hingga 31.12.2014 dan 1.1.2015 hingga 31.12.2015.

Kedudukan Pemegangan Saham

70% saham biasa		69% saham biasa	
1.1.2014	31.12.2014	1.1.2015	31.12.2015

Memandangkan 70% pemegangan saham biasa tidak dipenuhi dalam tempoh asas 1.1.2015 hingga 31.12.2015, kedua-dua syarikat menuntut dan menyerah tidak layak untuk relif kumpulan.

8. Pengiraan Relif Kumpulan

Mana-mana syarikat layak yang mempunyai kerugian larasan boleh menyerah kerugian tersebut kepada syarikat berkaitan untuk mana-mana tahun taksiran. Penentuan kerugian larasan adalah menurut subseksyen 44A(4) ACP di mana:

- (a) jumlah atau jumlah agregat kerugian larasan atau lebih jumlah bagi syarikat menyerah untuk tahun taksiran itu ditentukan di bawah subseksyen 44(4) dan 44(5) ACP;
- (b) jumlah kerugian larasan yang diserahkan kepada syarikat menuntut sebagai potongan dalam penentuan jumlah pendapatan syarikat menuntut adalah menurut subseksyen 44(1) ACP; dan
- (c) jumlah kerugian larasan yang diserahkan tidak boleh melebihi pendapatan agregat ditentukan bagi syarikat menuntut untuk tahun taksiran itu.

Contoh 16

Syarikat A dan B adalah syarikat berkaitan yang layak bagi relif kumpulan. Dalam tahun taksiran 2015, Syarikat A mengalami kerugian manakala Syarikat B mempunyai keuntungan. Kedua-dua syarikat bersetuju menggunakan relif kumpulan di mana Syarikat A (syarikat menyerah) bersetuju menyerahkan 70% daripada rugi semasa kepada Syarikat B (syarikat menuntut). Pilihan untuk relif kumpulan dibuat bagi tahun taksiran 2015.

Pengiraan Kerugian Larasan yang Diserahkan oleh Syarikat A

Butiran	Senario 1	Senario 2
	RM	RM
Pendapatan berkanun daripada perniagaan (kerugian larasan RM100,000)	Tiada	Tiada
Pendapatan berkanun sewa	20,000	40,000
Pendapatan agregat	20,000	40,000
Tolak: Rugi tahun semasa [seksyen 44(2)]	(20,000)	(40,000)
Jumlah Pendapatan	Tiada	Tiada
Rugi tahun semasa yang tidak diserap	(80,000)	(60,000)
Rugi yang diserahkan kepada Syarikat B (70%)	(56,000)	(42,000)
Rugi dihantar hadapan	(24,000)	(18,000)

Amaun rugi larasan yang diserahkan oleh Syarikat A kepada Syarikat B dalam tahun taksiran 2015 adalah 70% daripada lebihan rugi semasa Syarikat A selepas menolak amaun yang sama dengan pendapatan agregat bagi tahun itu.

Contoh 17

Syarikat A dan B adalah syarikat berkaitan yang layak untuk relif kumpulan. Dalam tahun taksiran 2014 (tahun 1) dan tahun taksiran 2015 (tahun 2), Syarikat A mengalami kerugian manakala Syarikat B mempunyai keuntungan. Kedua-dua syarikat bersetuju untuk memilih relif kumpulan di mana Syarikat A (syarikat menyerah) bersetuju menyerahkan 70% daripada rugi tahun semasa kepada Syarikat B (syarikat menuntut) dan Syarikat B bersetuju untuk menuntut kerugian tersebut. Tuntutan relif kumpulan masing-masing dibuat untuk tahun taksiran 2014 dan 2015.

Pengiraan Relif Kumpulan bagi Tahun Taksiran 2014 (Tahun 1)

Syarikat A (Syarikat Menyerah)	RM	Syarikat B (Syarikat Menuntut)	RM
Pendapatan berkanun perniagaan I (kerugian larasan 300,000)	Tiada	Pendapatan berkanun perniagaan I	200,000
Pendapatan berkanun perniagaan II (kerugian larasan 50,000)	Tiada	Pendapatan berkanun perniagaan II	20,000
Agregat pendapatan berkanun perniagaan I dan II	Tiada	Agregat pendapatan berkanun perniagaan I dan II	220,000
Tambah: Pendapatan berkanun sewa	60,000	Tambah: Pendapatan berkanun sewa	50,000
Pendapatan agregat	60,000	Pendapatan agregat	270,000
Tolak: Rugi tahun semasa [seksyen 44(2)]	(60,000)	Tolak: Derma [seksyen 44(6)]	(20,000)
Tolak: Derma [seksyen 44(6)] (10,000)	Tiada	Pendapatan agregat ditentukan	250,000
	Tiada	Tolak: Kerugian dituntut	(203,000)
Jumlah pendapatan	Tiada	Jumlah pendapatan	47,000
Lebih kerugian larasan tahun semasa menurut subseksyen 44(4) dan 44(5) RM (350,000 - 60,000) = (290,000) Diserahkan = <u>(203,000)</u> Rugi h/h <u>(87,000)</u> Jumlah kerugian (RM87,000) kekalkan dengan syarikat menyerah			

Pengiraan Relif Kumpulan bagi Tahun Taksiran 2015 (Tahun 2)

Syarikat A (Syarikat menyerah)	RM	Syarikat B (Syarikat menuntut)	RM
Pendapatan berkanun perniagaan I (kerugian larasan 200,000)	Tiada	Pendapatan berkanun perniagaan I	50,000
Pendapatan berkanun perniagaan I	60,000	Pendapatan berkanun perniagaan II	40,000
Agregat pendapatan berkanun perniagaan I dan II	60,000	Agregat pendapatan berkanun perniagaan I dan II	90,000
Tolak: Rugi b/h [seksyen 43(2)]	(60,000) ²	Tambah: Pendapatan berkanun sewa	20,000
Tambah: Pendapatan berkanun sewa	Tiada 50,000	Pendapatan agregat / Pendapatan agregat ditentukan	110,000
Pendapatan agregat	50,000	Tolak: Kerugian dituntut	(105,000)
Tolak: Rugi tahun semasa [seksyen 44(2)]	(50,000)	Jumlah pendapatan	5,000
Jumlah pendapatan	Tiada		
Rugi b/h (tidak diserap) = (RM27,000) [² (RM87,000) - (RM60,000)]			
[lebih subseksyen 44(4) dan 44(5)] [(RM200,000)-(RM50,000)] = (150,000)			
Diserahkan 70% <u>(105,000)</u>			
(45,000)			
+ rugi b/h (tidak diserap) <u>(27,000)</u>			
rugi h/h <u>(72,000)</u>			
Jumlah kerugian (RM72,000) kekal dengan syarikat menyerah			

9. Lebih daripada Satu Syarikat Menyerah atau Syarikat Menuntut

- 9.1 Sebuah syarikat menyerah boleh menyerahkan kerugian larasan kepada satu atau lebih syarikat berkaitan (syarikat menuntut). Syarikat hendaklah menyerahkan amaun kerugian larasan untuk ditolak sepenuhnya daripada amaun pendapatan agregat ditentukan syarikat menuntut pertama. Apa-apa baki kerugian kemudian boleh diserahkan kepada syarikat menuntut kedua dan seterusnya mengikut susunan keutamaan.
- 9.2 Sebuah syarikat menuntut juga boleh menuntut kerugian larasan daripada satu atau lebih syarikat berkaitan (syarikat menyerah). Kerugian larasan yang diserahkan oleh syarikat menyerah pertama hendaklah dipotong daripada pendapatan agregat ditentukan syarikat menuntut sebelum kerugian larasan potongan kerugian daripada syarikat menyerah kedua dan seterusnya mengikut susunan keutamaan.
- 9.3 Penyerahan atau tuntutan kerugian larasan yang diserahkan atau dituntut hendaklah mengikut susunan keutamaan. Kedua-dua syarikat menyerah dan syarikat menuntut hendaklah memastikan susunan keutamaan dengan membuat pilihan yang tidak boleh ditarik balik dalam borang yang ditetapkan iaitu Borang C (RK-S) dan Borang C (RK-T) bersama-sama dengan Borang Nyata Cukai Pendapatan (Borang C).
- 9.4 Jika kerugian tidak boleh digunakan mengikut susunan keutamaan yang ditentukan oleh mana-mana syarikat menyerah atau syarikat menuntut, jumlah kerugian larasan yang diserahkan atau dituntut hendaklah dikendalikan sebagaimana yang difikirkan munasabah dan berpatutan oleh Ketua Pengarah (KP).
- 9.5 Amaun kerugian larasan yang diserahkan hendaklah diabaikan untuk tujuan menentukan pendapatan agregat syarikat menyerah di bawah seksyen 43 ACP.
- 9.6 Jumlah kerugian yang boleh dipindahkan adalah tertakluk kepada pendapatan agregat ditentukan syarikat menuntut. **Sekiranya apa-apa kerugian larasan melebihi pendapatan agregat ditentukan bagi syarikat menuntut, bakinya akan disimpan oleh syarikat menyerah sebagai kerugian yang tidak diserap.** Kerugian yang tidak diserap ini boleh digunakan untuk ditolak daripada pendapatan syarikat menyerah pada masa hadapan, tertakluk kepada peruntukan ACP.
- 9.7 Jika syarikat menyerah tersilap menyerahkan kerugian larasan kepada syarikat menuntut yang mempunyai kerugian atau tidak mempunyai pendapatan agregat ditentukan, kerugian yang diserahkan tidak boleh diserahkan kepada syarikat menuntut yang lain tetapi hendaklah dikembalikan kepada syarikat menyerah.

Contoh 18

Syarikat A, B, C, X, Y dan Z adalah syarikat berkaitan dan layak untuk relif kumpulan. Syarikat menyerah dan menuntut telah menentukan susunan keutamaan dan telah membuat pilihan yang tidak boleh ditarik balik dalam Borang C (RK-S) dan Borang C (RK-T).

Ringkasan kerugian yang diserahkan dan dituntut mengikut susunan keutamaan syarikat menyerah dan menuntut adalah seperti berikut:

	Syarikat Menyerah			Syarikat Menuntut		
	Syarikat A	Syarikat B	Syarikat C	Syarikat X	Syarikat Y	Syarikat Z
70% Kerugian larasan	(40,000)	(140,000)	(80,000)			
Susunan keutamaan	Z - (40,000)	1. X - (65,000) 2. Y - (25,000) 3. Z - (15,000)	Y - (80,000)			
Pendapatan agregat ditentukan				65,000	105,000	55,000
Susunan keutamaan				B - (65,000)	1. C - (80,000) 2. B - (25,000)	1. A - (40,000) 2. B - (15,000)

Bagi Syarikat A dan Syarikat C, kerugian larasan 70% dipindahkan sepenuhnya kepada syarikat menuntut mereka. Bagi Syarikat B, susunan keutamaan adalah seperti yang ditunjukkan dan baki RM35,000 yang tidak dapat diserahkan hendaklah disimpan oleh Syarikat B dan dihantar hadapan ke tahun taksiran berikutnya.

Syarikat Menuntut X

	RM
Pendapatan agregat tentukan	65,000
Tolak: rugi yang dipindahkan daripada Syarikat B	<u>(65,000)</u>
Pendapatan bercukai	<u>Tiada</u>

Syarikat Menuntut Y

	RM
Pendapatan agregat ditentukan	105,000
Tolak: rugi yang dipindahkan daripada Syarikat C	<u>(80,000)</u>
	25,000
Tolak: rugi yang dipindahkan daripada Syarikat B	<u>(25,000)</u>
Pendapatan bercukai	<u>Tiada</u>

Syarikat Menuntut Z

	RM
Pendapatan agregat ditentukan	55,000
Tolak: rugi yang dipindahkan daripada Syarikat A	<u>(40,000)</u>
	15,000
Tolak: rugi yang dipindahkan daripada Syarikat B	<u>(15,000)</u>
Pendapatan bercukai	<u>Tiada</u>

10. Pindaan Kerugian Larasan

10.1 Jika sebuah syarikat menyerah telah memfailkan borang nyata untuk suatu tahun taksiran tertentu dan jika terdapat pindaan kepada pengiraan cukai dan kerugian larasan yang ada untuk diserahkan melebihi jumlah yang telah pun diserahkan, syarikat menyerah tidak dibenarkan meminda kerugian yang telahpun diserahkan kepada syarikat menuntut. Syarikat menyerah hendaklah membawa ke hadapan perbezaan kerugian larasan tersebut.


10.2 Jika sebuah syarikat menyerah telah memfailkan borang nyata untuk suatu tahun taksiran tertentu dan jika terdapat pindaan kepada pengiraan cukai di mana kerugian larasan yang ada untuk diserahkan adalah kurang daripada jumlah yang telah diserahkan, adalah menjadi tanggungjawab syarikat menyerah untuk memaklumkan kepada cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang mengendalikan fail cukai pendapatan syarikat tersebut.

Demikian juga, syarikat menuntut yang terjejas dengan pengurangan kerugian larasan yang ada untuk diserahkan oleh syarikat menyerah adalah dikehendaki memaklumkan kepada cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan syarikat tersebut.

- 10.3 Sekiranya sebuah syarikat dengan sengaja menuntut jumlah kerugian larasan yang melebihi jumlah yang diserahkan oleh syarikat menyerah, syarikat menuntut mungkin boleh dikenakan tindakan di bawah seksyen 114, ACP.
- 10.4 Jika sebuah syarikat pada mulanya melaporkan sejumlah pendapatan bercukai dalam borang nyatanya dan kemudiannya, jumlah pendapatan bercukai dikurangkan kepada kerugian larasan (selepas beberapa pelarasan), syarikat tersebut tidak dibenarkan menyerahkan kerugian larasan kepada syarikat berkaitannya.

11. Penalti untuk Maklumat Tidak Betul

- 11.1 Menurut perenggan 44A(9)(a) ACP, sekiranya KP mendapat tahu bahawa kerugian larasan tidak sepatutnya ditolak dalam pengiraan jumlah pendapatan syarikat menuntut, KP boleh, dalam tahun itu atau dalam tempoh lima tahun selepas akhir tahun tersebut, membangkitkan taksiran atau taksiran tambahan ke atas syarikat menuntut untuk mendapat balik kehilangan cukai. Ini dijelaskan dalam gambar rajah di bawah.



Sekiranya dalam tahun taksiran 2010, KP mendapat tahu bahawa kerugian larasan tidak sepatutnya ditolak dalam pengiraan jumlah pendapatan syarikat menuntut bagi tahun taksiran 2007, KP boleh membangkitkan taksiran tambahan dalam tahun taksiran 2010 atau dalam tempoh lima tahun (TT2011 hingga 2015) selepas akhirnya TT2010.

Nota:

Sekiranya dalam tahun taksiran 2015, KP mendapat tahu bahawa kerugian larasan tidak sepatutnya ditolak dalam pengiraan jumlah pendapatan syarikat menuntut bagi tahun taksiran 2007, KP boleh membangkitkan taksiran tambahan dalam tahun taksiran 2015 atau dalam tempoh lima tahun (TT2016 hingga 2020) selepas berakhirnya TT2015.

- 11.2 Menurut perenggan 44A(9)(b) ACP, di mana sebuah syarikat menyerah mengemukakan maklumat yang tidak betul dalam borang nyata atas jumlah kerugian larasan yang diserahkan, KP boleh mengenakan penalti ke atas syarikat menyerah, dengan jumlah bersamaan jumlah cukai yang tidak dikenakan atas syarikat menuntut.

Contoh 19

HiQ Sdn Bhd (HiQ) dan LBG Sdn Bhd (LBG) adalah syarikat berkaitan dalam kumpulan syarikat yang sama yang telah memenuhi syarat untuk layak mendapat relif kumpulan. HiQ adalah syarikat menyerah manakala LBG adalah syarikat menuntut. Dalam tahun taksiran 2015, HiQ memilih untuk menyerahkan 70% kerugian larasan tahun semasa kepada LBG, yang memilih untuk menuntut kerugian tersebut.

Penyerahan dan Tuntutan Kerugian Larasan

Tahun 2015

HiQ Sdn Bhd (Syarikat Menyerah)	RM	LBG Sdn Bhd (Syarikat Menuntut)	RM
Kerugian larasan perniagaan (RM 190,000)	Tiada	Pendapatan berkanun perniagaan I	145,000
		Pendapatan berkanun perniagaan II	36,000
Diserahkan kepada LBG 70% daripada kerugian larasan iaitu RM133,000 manakala sejumlah RM57,000 lagi di h/h		Pendapatan agregat ditentukan	181,000
		Tolak: Tuntutan kerugian	(133,000)
		Jumlah pendapatan	48,000
		Cukai dikenakan @ 25%	12,000.00

Suatu audit telah dijalankan oleh LHDNM. Pelarasan berikut telah dibuat serta notis takisran telah dikeluarkan.

Tahun 2015 – pelarasan yang dibuat oleh LHDNM

HiQ Sdn Bhd (Syarikat Menyerah)	RM	LBG Sdn Bhd (Syarikat Menuntut)	RM
Kerugian larasan perniagaan (RM120,000) (selepas semakan semula oleh pegawai audit)	Tiada	Pendapatan berkanun perniagaan I	145,000
		Pendapatan berkanun perniagaan II	36,000
Oleh itu, amaun kerugian larasan yang layak diserahkan adalah RM84,000 dan bukan RM133,000		Pendapatan agregat ditentukan Tolak: Kerugian dituntut (70%) selepas larasan audit	181,000 84,000
		Jumlah Pendapatan	97,000
		Cukai dikenakan @ 25% Tolak: Cukai terdahulu	24,250.00 12,000.00
		Cukai berkurang	12,250.00

Selepas penemuan audit -

- (a) suatu notis taksiran dikeluarkan dengan cukai tambahan berjumlah RM12,250 dibangkitkan atas LBG; dan
- (b) suatu notis (Borang G) dengan penalti berjumlah RM12,250 dikeluarkan kepada HIQ. Notis ini disifatkan sebagai notis taksiran untuk tujuan rayuan sekiranya HIQ tidak berpuas hati dengan penalti yang dikenakan.

11.3 Syarikat menyerah mempunyai hak untuk merayu terhadap pengenaan penalti dalam tempoh 30 hari daripada pengeluaran notis. Rayuan akan dikendalikan sama seperti rayuan terhadap sesuatu taksiran.

12. Syarikat yang Tidak Layak untuk Relif Kumpulan

Menurut subseksyen 44A(10) ACP, relif kumpulan tidak terpakai kepada syarikat menyerah dan menuntut bagi tempoh asas untuk suatu tahun taksiran di mana dalam tempoh tersebut syarikat tersebut -

- (a) adalah sebuah syarikat perintis atau telah diberi kelulusan untuk elaun pelaburan cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986;

- (b) dikecualikan cukai atas keuntungan perkapalan di bawah seksyen 54A, atau melalui pengecualian menteri di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) ACP;
- (c) telah membuat tuntutan untuk elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A ACP;
- (d) telah membuat tuntutan potongan berhubung suatu projek pengeluaran makanan yang diluluskan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai (Potongan Bagi Pelaburan dalam Projek Pengeluaran Makanan yang Diluluskan) 2006 [P.U. (A) 55/2006];
- (e) telah membuat tuntutan potongan di bawah Kaedah-kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi kos Perolehan Hak Empunya) 2002 [P.U.(A) 63/2002];
- (f) telah dibenarkan potongan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Kos Mengambil Alih Syarikat Milik Asing) 2003 [P.U.(A) 310/2003]; atau
- (g) telah membuat suatu tuntutan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154, dan Kaedah-Kaedah itu memperuntukkan bahawa seksyen 44A ACP tidak terpakai kepada syarikat itu.

Contoh 20

Syarikat C adalah syarikat menuntut manakala Syarikat S adalah syarikat menyerah. Dalam tahun taksiran 2014, Syarikat C menuntut elaun pelaburan semula (EPS) dan EPS tidak diserap dihantar ke tahun hadapan. Walau bagaimanapun, dalam tahun taksiran 2015, Syarikat C tidak menuntut sebarang EPS walaupun EPS tidak diserap dihantar ke hadapan dari tahun lepas. Syarikat C menuntut relif kumpulan, iaitu rugi semasa diserahkan oleh Syarikat S dalam tahun taksiran 2015. Kedua-dua syarikat telah memenuhi syarat layak untuk relif kumpulan.

Walaupun Syarikat C telah menuntut EPS dalam tahun taksiran 2014 tetapi syarikat tidak menuntut EPS dalam tempoh asas untuk tahun taksiran 2015. Oleh itu, Syarikat C berhak menuntut relif kumpulan dalam tahun taksiran 2015.

Nota:

Jika Syarikat C telah menuntut EPS dalam tahun taksiran 2015, syarikat tidak layak menuntut relif kumpulan dalam tahun yang sama.

Contoh 21

Fakta adalah sama seperti di Contoh 20 kecuali dalam tahun 2015, Syarikat C telah dikecualikan cukai di bawah perenggan 127(3)(b) ACP daripada pembayaran cukai pendapatan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berhubung dengan laba atau keuntungan yang diperolehi, sebagai ganti faedah, daripada sukuk wakala mengikut prinsip *Wakala Bil Istithmar* [Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian)(No. 3) 2015 [P.U.(A) 61/2015].

Syarikat C juga hendak menuntut relif kumpulan iaitu rugi tahun semasa yang diserahkan oleh Syarikat S dalam tahun taksiran 2015. Kedua-dua syarikat telah memenuhi syarat layak untuk relif kumpulan.

Memandangkan Syarikat C telah dikecualikan cukai ke atas laba atau keuntungan yang diperolehi, sebagai ganti faedah, daripada sukuk wakala di bawah seksyen 127(3)(b) ACP bagi tahun taksiran 2015, syarikat tidak layak menuntut relif kumpulan di bawah seksyen 44A ACP dalam tahun taksiran 2015.

13. Perkara Lain yang Berkaitan

- 13.1 Sebuah syarikat menyerah dan sebuah syarikat menuntut dikehendaki melengkapkan ruangan yang berkenaan dalam Borang C berkaitan kerugian yang diserahkan atau dituntut di bawah peruntukan relif kumpulan. Bagi syarikat menyerah, amaun kerugian yang diserahkan dalam tempoh asas untuk tahun taksiran semasa dan baki kerugian yang dihantar ke hadapan untuk potongan dalam tahun taksiran yang berikutnya perlu dilaporkan.
- 13.2 Jika sebuah syarikat menyerah atau sebuah syarikat menuntut di bawah peruntukan relif kumpulan telah memfailkan Borang C sebelum tarikh pengemukaan borang nyata tanpa membuat pilihan dalam ruangan yang berkaitan, syarikat boleh menulis kepada cawangan LHDNM yang mengendalikan fail syarikat untuk semakan semula. Permintaan untuk semakan tersebut mesti dibuat sebelum tarikh ditetapkan untuk pengemukaan borang nyata. Pilihan itu tidak boleh ditarik balik.
- 13.3 Sebuah syarikat menyerah atau sebuah syarikat menuntut tidak layak membuat pilihan untuk menyerah atau menuntut kerugian larasan sekiranya borang nyata dikemukakan selepas tarikh ditetapkan untuk pengemukaan borang nyata.
- 13.4 Sebuah syarikat yang telah menyemak semula pengiraan cukai yang mengakibatkan kerugian larasan selepas pengemukaan borang nyata di bawah seksyen 77A ACP tidak layak menyerahkan kerugiannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

Lampiran 1

Langkah-langkah yang perlu diambil dalam menentukan sama ada sebuah syarikat menuntut dan sebuah syarikat menyerah adalah berkaitan dan layak untuk relif kumpulan

